

**FAKTOR PERKEMBANGAN PENGETAHUAN  
KANDUNGAN PEDAGOGI DALAM KALANGAN GURU  
CEMERLANGPENDIDIKAN ISLAM**

[1] Nur Hanani Hussin  
[2] Ab. Halim bin Tamuri

**ABSTRACT**

This study is to explore factors contributing to the development of pedagogical content knowledge among excellent Islamic education teachers. This was a qualitative study which employed the case study method. The respondents were purposively selected and involved seven excellent Islamic Education teachers from several states in Malaysia. The data were analyzed using Atlas.ti. The study found that there are two types of factors, namely internal and external factors, which contributed to teacher knowledge. The internal factors identified were positive teachers' attitude toward knowledge culture, easier in dealing, courage and passion for preaching. On the other hand, the external factors were infrastructure, networking and colleague support. Element of knowledge culture among excellent Islamic education teachers was the main focus since it was seen as the main factor that contributed to the excellence of the teaching profession.

**Keywords:** *Knowledge, pedagogical content knowledge, Islamic education, excellent teacher*

[1] Kementerian Pendidikan  
Malaysia  
hanani.hussin@moe.gov.my

[2] Fakulti Pendidikan, Universiti  
Kebangsaan Malaysia  
abhalim@ukm.edu.my

## PENDAHULUAN

Ilmu merupakan suatu asas penting dalam profesion keguruan. Tambahan pula bagi seorang guru yang terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah maka ilmu menjadi tunjang kepada kehidupan sebagai seorang guru. Agenda membudayakan ilmu adalah proses yang memerlukan komitmen yang tinggi dalam kalangan guru. Perkataan budaya boleh dinyatakan sebagai integrasi antara sikap, amali, kepercayaan dan pengetahuan yang dimiliki guru. Budaya ilmu, dengan demikian, boleh difahami sebagai satu keadaan yang meletakkan golongan guru yang sentiasa berterusan meningkatkan ilmu, pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajar serta menguasai ilmu lain bahkan melakukan inovasi, perkongsian, perbincangan berterusan dengan rakan guru dalam usaha memugar sinergi profesion sebagai guru Pendidikan Islam.

## PENGUASAAN ILMU DALAM KALANGAN GURU

Perkembangan individu dan kemajuan sesuatu negara bangsa di dunia ini berkait rapat dengan kemajuan dan perkembangan ilmu pengetahuan yang terdapat pada sesuatu bangsa itu sendiri. Kedudukan serta martabat orang yang berilmu diangkat dan diletakkan di tempat yang lebih tinggi. Dengan erti kata lain, ilmu dapat mengangkat darjat seseorang di sisi Allah s.w.t. dan masyarakat. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Mujadalah (58:11) yang bermaksud:

“...Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.” (Abdullah Basmeih, 2013)

Dalam ayat lain pula Allah menjelaskan ilmu pengetahuan dapat meninggikan dan membezakan taraf dalam kalangan manusia. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Zumar (39: 9) yang bermaksud:

Katakanlah lagi (kepadanya): “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakala sempurna” (Abdullah Basmeih, 2013)

Di samping itu, al-Quran juga menegaskan ilmu yang dimiliki oleh seseorang dapat membentuk keperibadian yang baik dan menjadikan seseorang itu bertakwa dan cintakan Allah s.w.t dan Rasul-Nya. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Faathir (35: 28):

“Sesungguhnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu.” (Abdullah Basmeih, 2013)


Berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang telah dinyatakan, jelasnyakepentingan ilmu bagi seseorang yang memikul tanggungjawab sebagai guru. Firman Allah s.w.t. dalam surah Ali Imran (3:79) yang bermaksud:

“Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: “Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahKu dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah.” Tetapi (sewajarnya ia berkata): “Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyyin (yang hanya menyembah Allah Taala - Dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah

itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.” (Abdullah Basmeih, 2013)

Senada dengan hal ini, tokoh mufassir Said Hawwa ketika membincangkan ayat Alilmrn 3:79 menyatakan terdapat tiga elemen yang perlu diberi penekanan oleh seorang guru iaitu elemen *thaqafi*, *ruhi* dan *da'awil haraki*. Pertama, elemen *thaqafi* ini bermaksud setiap individu Muslim khususnya para pendidik seharusnya memiliki ketinggian ilmu dan pelbagai kemahiran. Berdepan dengan cabaran globalisasi ini, ilmu dan kemahiran yang kita miliki perlulah sentiasa ditambah nilai bahkan sehingga membentuk pembudayaan ilmu dalam kalangan rakan sekerja dan komuniti.

Kedua, elemen *ruhi* bermaksud pendidik dalam era globalisasi ini sewajarnya melengkapkan diri dengan aspek kerohanian yang utuh. Amalan-amalan zikir, wirid, berpuasa sunat dan sebagainya seharusnya dibudayakan. Hal ini kerana, tugas pendidik merupakan kesinambungan tugas dakwah. Tugas dakwah adalah tugas para nabi dan rasul. Keperibadian guru yang baik menjadi contoh kepada murid sebagaimana Rasulullah SAW menjadi contoh kepada para sahabat baginda. Elemen akhir iaitu elemen *da'awil haraki*, iaitu pelaksanaan kerja secara terancang dalam organisasi perlu wujud dalam kalangan pendidik di negara ini. Jaringan kerjasama ini perlu dilaksanakan agar perkongsian ilmu dan inovasi dapat ditambah baik secara kolektif (Muhammad Alihanafiah, 2011).



Rajah 1: Konsep Elemen Guru Murabbi Said Hawwa.

Al-Abrasyi (1969) menekankan perlu bagi seorang guru sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuannya sama ada dalam bidang yang diajarnya ataupun cara dia mengajar ilmu tersebut. Seorang guru perlu mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan termasuk pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarnya. Malah menurut al-Nahlawi (1987) seorang pendidik perlu sentiasa mempertingkatkan keilmuannya, pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarnya serta menguasai ilmu pengetahuan lain seperti pengetahuan agama, sejarah, geografi, matematik, bahasa dan sebagainya. Menurutnya lagi, pendidik perlu memastikan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu ilmu agar dihormati oleh para pelajarnya dan memperolehi kepercayaan mereka supaya mereka memperolehi faedah. Maka, guru-guru perlu membudayakan ilmu dan mempelajari untuk meningkatkan tahap keupayaan mereka. Keupayaan guru dalam bidang pengetahuan ini sangat penting kerana kebanyakan guru-guru mempunyai latar belakang bidang pengkhususan pengajian yang berbeza semasa di peringkat pengajian tinggi atau di universiti. Ada guru-guru pendidikan Islam yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Bahasa Arab, Syariah, Usuluddin, Dakwah, Tafsir, Tamaddun Islam, Al-Quran dan Ekonomi Islam dan sebagainya. Maka, guru-guru ini mempunyai kelebihan dalam satu bidang dan mempunyai kekurangan dalam bidang-bidang lain. Guru-guru perlu mempunyai ilmu yang mencukupi dengan keperluan semasa kerana kedudukan mereka sebagai model peranan (*role model*) kepada pelajar, pakar rujuk

dalam masyarakat dan “mufti sekolah”. Di samping latihan pedagogi, guru-guru perlu didedahkan dengan perkembangan ilmu pengetahuan selaras dengan perkembangan ilmu semasa.


Istilah yang sering dikaitkan dengan aspek ilmu ialah peranan guru sebagai *mu'allim*. Ab. Halim (2016) telah menghuraikan mu'allim sebagai orang bertugas menyampaikan ilmu. Peranan guru dalam bilik darjah ialah untuk memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang dirancang. Proses *ta'lim* merangkumi juga adab berilmu yang akan mencorak dan mewarnai pembentukan dan pembangunan diri para pelajar sebagai insan soleh. Maka, mu'allim perlu mempunyai kesediaan untuk bertanggungjawab membina sahsiah, budaya, rohani dan seni pelajarnya (Gerges, 2005). Guru pendidikan Islam yang memiliki kesediaan mu'allim mampu memindahkan ilmunya. Sehubungan dengan itu, guru pelatih pendidikan Islam perlu memiliki dan menguasai ilmu bagi meningkatkan manusia daripada taraf haiwan kepada taraf manusia. Malah, Ahmad Mohd. Salleh (2011) menambah guru pendidikan Islam yang memiliki kesediaan mu'allim ini perlu berusaha meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan; sentiasa mencari pendekatan pengajaran yang boleh menimbulkan minat murid serta menanam minat dan penghayatan terhadap agama; sentiasa memelihara dan berusaha meningkatkan kecekapan dalam bidang perguruan.

#### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes untuk meneroka faktor-faktor perkembangan pengetahuan kandungan pedagogi dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam. Dapatan kajian yang diperoleh adalah daripada kes sebenar, pelaksanaan semula jadi, pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam bilik darjah, analisis dokumen guru dan temu bual bersemuka telah dilaksanakan menggunakan kaedah 'semi-structured world-life interview' merujuk kepada Kvale (2007). Pemilihan sampel adalah menggunakan kaedah 'purposive sampling' atau persampelan bertujuan (Miles & Huberman 1994). Ini bererti responden tersebut perlu dipilih dan dikenal pasti terlebih dahulu supaya dia dapat memberi maklumat yang bersesuaian dan mencukupi. Tujuh Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) telah dipilih dalam kajian ini berdasarkan cadangan yang diterima dari Jabatan Pendidikan seluruh Malaysia. Peserta kajian dinamakan menggunakan nama samaran (pseudonym) (Bloomberg & Volpe, 2008). Data yang diperolehi secara lisan melalui temubual ditukar dalam bentuk tulisan dan dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti.

#### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan penyelidikan yang dilaksanakan terdapat dua faktor utama yang menyumbang kepada perkembangan pengetahuan kandungan pedagogi guru iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman berhubung dengan sikap, kemahiran, pengalaman dan sumbangan guru dalam konteks kerjayanya manakala faktor luaran mendapati infrastruktur, jaringan dan sokongan rakan guru mempunyai kaitan dengan perkembangan pengetahuan guru. Rajah 2 menggambarkan faktor perkembangan pengetahuan kandungan pedagogi guru cemerlang Pendidikan Islam.




Rajah 2. Faktor luaran dan dalaman sebagai faktor perkembangan pengetahuan pedagogi guru

Secara lebih spesifik, komponen sikap menampilkan empat sikap yang dimiliki oleh GCPI iaitu budaya ilmu, tidak berkira, berjiwa da'i dan sentiasa berusaha. Budaya ilmu merujuk guru melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan keilmuan bagi setiap kesempatan. Guru mengakui mereka banyak mendengar dan merujuk kepada kitab penulisan ulama mu'tabar (U Nur TB3/80:80; U Hakim TB2/146:146), berguru di masjid atau surau (U Nur TB3/96:96; U Zaki TB2/78:78; U Zaki TB4/390:390; U Zain TB1/660:660), merujuk kepada penulisan ulama terkini (U Rahmah TB2/163:163; U Munira TB2/168:168), menghadiri seminar (U Zaki TB4/450:450; U Munira TB2/120:120), menghadiri ceramah (U Safa TB1/178:178; U Munira TB2/144:144), dan memiliki perpustakaan mini di rumah (U Rahmah TB2/163:163; U Hakim TB2/150:150).

Guru juga merujuk kepada orang yang diyakini apabila memerlukan kepada jawapan dan huraian terhadap beberapa permasalahan yang dikemukakan oleh murid. Sebenarnya, sangat penting bagi seorang guru sentiasa merujuk kepada sumber yang berautoriti dalam sesuatu hal agama kerana melibatkan hukum yang wajib, haram, sunat, harus dan makruh dalam sesuatu perkara. Data kajian dicatat berhubung hal ini dicatatkan sebagaimana berikut; *"fatwa ulama kan, akak kena berhubung dengan mereka, akak ada kenal mufti, jawatan-jawatankuasa yang terlibat..."* (U Rahmah TB2/167:167). Ustaz Hakim juga ada menegaskan dalam soal hukum semestinya patut merujuk kepada sumber yang berautoriti; *"kalau bab hukum kena buka la, kalau kitab fiqh kena ikut Syafi'e kita buka kitab-kitab yang kita belajar di Al-Azhar dulu iaitu kita muqarrar dipanggil kitab yang dikarang oleh doktor yang mengajar kita, profesor yang mengajar kita, kita kena merujuk. Ehh, memang kena merujuk sebab hukum tak boleh! Memang kena rujuk..."* (U Hakim TB2/126:126).

Seterusnya, berhubung budaya ilmu hanya Ustazah Safa yang menyebut beliau menghadiri sesi perkongsian ilmu secara *usrah* untuk lebih memahami hukum hakam dalam bab ibadat; beliau menyatakan: *"Ada. Usrah. Usrah ni pada Ustazah lebih memberi motivasi dalaman untuk kita terus kuat. Dari segi ilmu, khusus ibadat, ada juga bincang isu semasa ada lah juga..."* (U Safa TB1/178:178).



Rajah3. Sumber Ilmu GCPI

Seterusnya, guru turut menyatakan minatnya yang mendalam terhadap budaya ilmu dengan selalu membaca, menghadiri kursus, ceramah, kuliah dan selalu membeli buku baru. Hal ini dinyatakan melalui temu bual bersama Ustazah Rahmah; *“akak melalui pembacaan, menghadiri kursus, sebab tu akak benda yang paaaling suka menghadiri kursus-kursus, ceramah-ceramah, kuliah-kuliah lepas tu buku bahan bacaan. Akak memang membeli buku-buku, kerja akak kalau keluar buku baru akak beli...”* (U Rahmah TB2/159:159). Berhubung hal ini juga, Ustaz Zaki menyatakan prinsipnya mengenai menuntut ilmu; *“belajar tak akan habis. Belajar tak akan habis. Walaupun lepas ni mengaji mana pun, akan ada lagi yang tak cukup...”* (U Zaki TB2/123:123).

Dalam kesibukan gurumencari ilmu, mereka tidak lokek berkongsi ilmu yang mereka miliki dengan orang lain, sama ada dengan rakan satu sekolah atau dengan guru dari sekolah yang lain. Ustaz Zain menyatakan kepentingan menyebarluaskan ilmu yang dimiliki secara tidak langsung memberi faedah kepada dirinya juga berdasarkan kenyataan berikut: *“bila panggil saya teknik menjawab, secara tidak langsung buat persediaan. Jadi bila saya bagi kat orang, jadi ilmu tu dia patah balik. Tu yang mengajar pun mudah...”* (U Zain TB1/680:680). Berhubung hal ini juga Ustaz Zain menegaskan mengenai kebaikan berkongsi ilmu dengan orang untuk mengukuhkan ingatannya. Hal ini dinyatakan sedemikian:

*“Begini, kalau kita selalu berkongsi, bercakap kita akan ingat. Fakta itu kalau kita ulang beritahu orang lain kita akan ingat, kalau simpan, kita cepat lupa. Sebab ada kajian kan cakap macam tu. Dalam masa 18jam kalau tak ulang balik apa yang kita baca, akan lupa. Kalau kita baca sahaja, dapat sedikit ilmu dibandingkan dengan kita bincang. Kalau kita sampaikan lagi banyak kita dapat, 90% insya-Allah. Kalau setakat baca lupa...”* (U Zain TB3/107:107).

Kesungguhan guru membudayakan ilmu dapat dilihat dalam perkongsian yang disampaikan oleh Ustazah Rahmah bahawa menjadi guru cemerlang tidak boleh bersendirian, semestinya mempunyai kerjasama erat dengan murid, pengurusan dan rakan-rakan (U Rahmah TB3/33:33). Beliau juga berpegang dengan prinsip menyebarkan ilmu sebagai ibadat dan mengulas dengan lebih lanjut dengan kenyataan berikut; *“jadi kita nak ni kalau boleh kita membantu sahabat kita, kita berkongsi dengan sahabat kita. Dalam apa mata pelajaran tidak mestinya dalam pendidikan Islam kita hanya boleh tolong pendidikan Islam sahaja, mungkin kita boleh tolong dari segi pedagogi...”* (U Rahmah TB3/41:41).

Sikap kedua yang ditunjukkan oleh guru yang membangunkan ilmu mereka iaitu tidak berkira sama ada daripada segi berkongsi bahan pengajaran dengan rakan GPI yang lain (U Nur TB1/83:83; U Zain TB3/31:31; U Zain

TB3/63:63; U Hakim TB1/196:196; U Hakim TB2/186:186; U Zaki TB4/262:262; U Safa TB2/31:31). Hal ini dibuktikan melalui satu satu dapatan kajian, Ustazah Safa menyatakan: *“Akak pun dah tunjuk slide ini kepada GPI. Mereka cakap mereka pun baru nampak, dan mereka nak cuba kepada anak murid mereka. Alhamdulillah ada yang dah guna untuk PnP...”* (U Safa TB2/19:19). Seterusnya, berhubung dengan sikap tidak berkira ini juga, peserta kajian sanggup mengorbankan masa di luar persekolahan untuk aktiviti kelas tambahan di sekolah pada waktu malam (U Safa TB2/47:47), dan menjawab persoalan daripada murid melalui mesej telefon (U Nur TB3/56:56).

Ustaz Zain dan Ustazah Safa pula mempunyai inisiatif sendiri dengan menyediakan peralatan LCD menggunakan perbelanjaan sendiri dan membawanya setiap hari ke kelas untuk menayangkan slaid *PowerPoint*, video dan latihan kepada murid semasa pengajaran (U Zain TB1/248:248). Ustaz Zain juga mewakafkan satu mesin pencetak di atas mejanya untuk kegunaan rakan-rakan guru membuat salinan latihan kepada murid-murid. Ustaz Zain mengulas lebih lanjut berhubung perkara ini dengan bicara berikut:

*“tadi saya cetak ni. Tu yang saya ada printer kat sini. (Sambil meletakkan tangan menepuk mesin pencetak di atas meja kerjanya dalam bilik guru).RM399 beli di LowYat.Boleh guna untuk fotostat, print. Murah je Ustazah.Saya buat kerja senang. Kawan-kawan nak pakai je. Dakwat habis beli je. Dakwat boleh cari. Kawan tak boleh cari...”*

(U Zain TB2/203:203)

Komponen ketiga di bawah tema sikap ialah sebagai *dai'e* yang wujud dalam diri peserta kajian untuk memastikan murid-murid berterusan melakukan ibadat-ibadat fardhu dan sunat. Penekanan kepada aspek ibadat tidak hanya terhenti di dalam kelas, bahkan sepanjang pemerhatian yang dijalankan peserta kajian sering menegur murid yang melakukan kesalahan di luar kelas bersesuaian dengan prinsip seluruh kehidupan adalah ibadat. Hal ini dijelaskan oleh Ustazah Ramlah seperti berikut:


*“bagi akak kita sentiasa dalam perjalanan kita tegur, sebab kita pendidik, guru Pendidikan Islam ni bukan sahaja mudaris yang menyampaikan, bukan mualim sekadar mengalirkan ilmu tapi kita adalah mua'ddib mendidik, kita kata akhlaknya, tarbiah dirinya sebab tu kita sampai sebab kita selalu “minta maaf sebenarnya, Ustazah ni sayang awak sebab Ustazah ni anggap awak ni adalah anak Ustazah...”*

(U Rahmah TB3/63:63)

Triangulasi data temu bual dan analisis dokumen menunjukkan sikap keempat iaitu guru berusaha membantu perkembangan ilmu untuk memudahkan kefahaman murid terhadap pengajaran ibadat yang disampaikan. Ustaz Hakim contohnya berusaha memudahkan pengajaran tayammum dengan mencipta mesin debu tayamum yang dinamakan *Thahar*. Mesin *Thahar* wujud dengan kesungguhan beliau mengkaji komponen yang diperlukan untuk membina enjin dan meninjau peralatan daripada semua kedai *hardware*. Hal ini dibuktikan melalui teks berikut; *“buat sendiri. Mesin tu saya buat sendiri, mata dia saya survey kedai-kedai macam mana bentuk-bentuk mesin yang digunakan, saya tengok semua, semua kedai hardware di negeri ini saya pergi. Lepas tu nak harga murah lepas tu saya pergi cari peralatan pula...”* (U Hakim TB2/198:198).

Di samping itu, guru juga sentiasa berusaha mencari pendekatan terbaik untuk menyampaikan pengajaran ibadat kepada murid. Ustazah Safa misalnya sentiasa mengaplikasikan teknik dan kaedah baru serta berkongsi dengan GCPI lain semasa beliau menyampaikan ceramah. Data temu bual bersama beliau dicatat seperti berikut: *“kadang-kadang tengok di YouTube, cari mengenai best practices dalam pengajaran. Masa tu akak jumpa whole brain teaching techniques. Kebetulan masa tengok tu terdetik, eh! bagusnya teknik ni. Akak cari. Akak memang*

macam tu. Kadang dapat secara tak sengaja. Haa... ni Chris Biffle, how to begin wholebrain teaching techniques? Akak tengok dan terus akak buat..." (U Safa TB2/76:76).



Rajah 4. Faktor Perkembangan Pengetahuan Kandungan Pedagogi GCPI  
→ Faktor Dalaman → Faktor Sikap Guru

Secara keseluruhannya, dapatan-dapatan ini bertepatan dengan kajian Kamarul Azmi (2010) bahawa GCPI sentiasa menimba dan membudayakan ilmu dan merupakan ciri penting seorang guru cemerlang. Budaya membaca yang menjadi amalan guru cemerlang mencerminkan usaha mereka untuk sentiasa menambah ilmu pengetahuan. Penguasaan ilmu yang dimiliki oleh guru menjadikan mereka tempat rujukan rakan sejawat. Budaya ilmu iaitu pembelajaran merupakan satu peluang untuk guru melebarkan tahap pendidikan mereka melepasi pendidikan asas dan mempertingkatkan pengetahuan bagi membolehkan mereka meneroka ilmu-ilmu dan kemahiran terbaru yang boleh memanfaatkan diri mereka sendiri.

Seterusnya, dapatan ini juga selari dengan Zaini (2011) dan Norsiah dan Azizah (2001) bahawa faktor teratas yang mendorong seseorang terus belajar ialah untuk menambah pengetahuan. Pada pandangan penyelidik, budaya ilmu yang diamalkan GCPI ini mencerminkan kesungguhan mereka untuk menguasai ilmu dan memberikan pengetahuan yang tepat kepada murid dan mengimani al-Quran dalam galakan menuntut ilmu; orang berilmu mengakui tauhid kepada Allah (Ali Imran 3:18), Allah s.w.t. mengangkat darjat orang yang berilmu beberapa darjat (Mujadalah 58:11), tidak sama orang yang berilmu dan orang yang tidak berilmu (al-Zumar 39:9), orang yang takut kepada Allah s.w.t. ialah orang yang berilmu (Faathir 35:28). Hal ini juga menunjukkan, guru sering belajar untuk mengajar dan sentiasa ingin menambah ilmu pengetahuan yang mereka miliki.

Sehubungan itu, budaya ilmu juga berkait rapat dengan usaha guru melakukan refleksi terhadap pengajaran mereka. Keperluan pembelajaran dalam kalangan guru untuk mencapai kecemerlangan yang berterusan dalam profesion mereka untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Antaranya ialah menghadiri kursus, seminar, program pembangunan staf, perbincangan, dialog, belajar dari kesilapan, pengalaman, refleksi, dokumen, lawatan penanda aras merupakan beberapa pembelajaran formal dan tidak formal dalam meningkatkan kompetensi guru (Nor Foniza, 2012).

## RUMUSAN

Budaya ilmu dalam kalangan guru cemerlang menunjukkan sikap guru terhadap ilmu memainkan peranan penting. Budaya ilmu yang diamalkan guru melibatkan pembacaan kepada sumber yang muhtabar dan ulama semasa, menghadiri seminar, ceramah dan usrah, berguru di masjid dan surau serta merujuk kepada ulama' dan



mufti dalam usaha mengembang luaskan dan memperkukuhkan ilmu yang dimiliki. Hasil dapatan berkenaan konsep budaya ilmu dalam kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam ini diharapkan menjadi panduan kepada guru-guru lain dalam usaha meningkatkan kecemerlangan dan memacu sinergi berdepan dengan cabaran mendidik generasi digital pada era globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Peningkatan ilmu pengetahuan guru-guru ini dapat dilakukan dengan membudayakan halaqah atau perbincangan dalam kalangan guru diperingkat sekolah dan juga daerah. Latihan dan penguasaan pengetahuan kandungan perlu diselaraskan dengan perkembangan pengetahuan pedagogi kandungan guru. Bagi memastikan kualiti dan ilmu guru-guru pendidikan Islam, sijil khas tauliah mengajar agama boleh diwujudkan dengan kerjasama majlis-majlis agama Islam negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2013). *Al-Quran al-Karim. Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran: (30 juz)*. (Cetakan 22). Kuala Lumpur, Malaysia: Darulfikir
- Ab. Halim Tamuri. (2016). Pendekatan pedagogi terkini dan pembentukan tenaga pengajar profesional di dalam pendidikan Islam. Kertas kerja dibentangkan dalam Wacana Pendidikan Islam Pendidikan Islam di Malaysia: Isu, Cabaran dan Hala Tuju anjuran Yayasan Islam Pulau Pinang pada 14 Mei 2016 di Dewan Seminar SEAMEO RECSAM, Pulau Pinang.
- Al-'Abrasyi, Muhammad 'Athiyyah. 1969. *Al-tarbiyyah al-Islamiyyah wa falsafatuha*. Kaherah: Issa al-bab al-Hilabi.
- Ahmad Mohd Salleh. (2004). *Pendidikan Islam: Falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran*. Shah Alam, Malaysia: Fajar Bakti.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2011). *Kurikulum, metodologi dan pedagogi pengajian Islam KPLI&j-QAF*. Shah Alam, Malaysia: Oxford Fajar.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2007). *Ihya Ulum al-Din. Siri 3*. Terj. Professor Tengku Ismail Yaakob. Kota Bharu, Malaysia: Pustaka Aman Press.
- Al-Nahlawi, Abdul Rahman. 1987. *Usul Tarbiyyah Islamiyyah wa asalibiha fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Bloomberg, L.D., & Volpe, M. (2008). *Completing your qualitative dissertation: A roadmap from beginning to end*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Fadzilah Mustapa. (2016). Penyediaan Guru Muda Berkualiti Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Dalam *Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan cabaran* (hh. 31-44). Kuala Lumpur, Malaysia: IKIM.
- Gerges, M.G. (2005). *Mu'jam mustalahat al-tarbiyyah wa al-ta'lim*. Beirut, Lubnan: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu kajian kes*. (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Kvale, S. (2007). *Doing interviews*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Muhamad Alihanafiah Norasid. (2011, Jan-Jun). Manhaj Rabbani oleh Sa'īd Ḥawwā dalam Pembangunan modal insan: Tumpuan kepada Karya al-Asās fi al-Tafsīr. *Jurnal Usuluddin*, 89- 112.
- Nor Foniza Maidin. (2012). *Amalan Organisasi Pembelajaran di sekolah cemerlang: Satu kajian kes*. (Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Norsiah Ahmad, & Azizah Mohd Harun. (2001). Pembelajaran berterusan dan pembentukan masyarakat terpelajar. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 43-55.
- Zaini Ujang. (2011). *Embracing the knowledge culture: Understanding knowledge, putting it into practice*. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Penerbitan Negara Malaysia & Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.